

SEMINAR PENCERAHAN TASAWWUR AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

20/05/2014

DEWAN MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamu 'alaykum wa rahmatullahi wa barakatuh.

1. Pertamanya, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. di atas izin dan limpah kurniaNya kita dapat berhimpun pada hari ini dalam Seminar Pencerahan Tasawwur Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUAFAKAT) yang telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan seminar yang amat penting ini.

2. Sebagai umat Islam di Malaysia yang menerima kedatangan Islam sejak berkurun lamanya kita seharusnya bersyukur kerana berada di dalam aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, iaitu aliran yang sentiasa berpegang teguh kepada al-Quran, al-Sunnah dan pendapat para Sahabat yang bersepakat di atas kebenaran yang nyata dari Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah S.A.W. Berada di dalam 'aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah ini adalah suatu nikmat yang harus kita pertahankan. Sebagaimana firman Allah s.w.t. di dalam Surah Al-An'am, Ayat 153:

لَعَلَّكُمْ يَهْتَدُونَ وَصَلَّوْا دَعْوَاهُمْ سَبِيلِهِ عَنِ بَعْضِ فَنَفَرَقَ السُّبُلِ تَتَّبِعُوا وَلَا تَتَّبِعُوهُ مُسْتَقِيمًا صِرَاطِي هَذَا وَأَنْ تَتَّقُونَ

Yang bermaksud:

Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraikan kamu dari jalan Allah, Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertakwa.

3. Gesaan supaya umat Islam sentiasa berpegang teguh dengan Al-Qur'an, Sunnah Rasulullah S.A.W dan para Sahabat juga disebut di dalam sebuah hadith riwayat Al-Tirmizi yang bermaksud:

'Aku berwasiat kepada kamu sekalian supaya bertaqwa kepada Allah, supaya mendengar dan taat, walaupun ia seorang hamba abdi bangsa Habsyi (yang diangkat menjadi ketua kamu sekalian); maka sesungguhnya sesiapa dari kalangan kamu yang hidup (bila sampai masanya) ia akan melihat berlaku perselisihan yang banyak, dan bendaklah kamu berjaga-jaga daripada (mengadakan) perkara-perkara baru (dalam urusan agama), maka sesungguhnya itu adalah kesesatan; maka sesiapa di kalangan kamu yang mendapat perkara demikian itu hendaklah ia mengikuti Sunnahku dan Sunnah para Khulafa' al-Rasyidin yang mendapat hidayat daripada Allah, dan hendaklah kamu berpegang kepada Sunnah itu dengan gigi geraham kamu'.

4. Dalam keadaan di mana umat Islam di Negara kita yang berpegang teguh dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran dari segi pemikiran, nilai dan budaya yang dibawa oleh arus globalisasi pada zaman pasca-modern ini, maka seminar seperti ini yang diadakan dengan tujuan untuk memberikan kefahaman sebenar mengenai ajaran dan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah amat penting sekali. Dengan adanya inisiatif seperti ini, umat Islam di Malaysia dapat diberikan pendedahan secara ilmiah tentang ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang sebenar supaya mereka tidak terkeliru atau terjerumus dalam perselisihan pendapat atau pandangan yang akan menyebabkan perpecahan dalam kalangan umat Islam sendiri.

5. Apatah lagi suatu perkara yang amat ditekankan oleh para ulama' Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah perpaduan yang teguh di dalam kalangan umat Islam sendiri. Dengan berpandukan kepada ajaran Islam yang sebenar sepertimana yang terkandung di dalam Al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W, saya percaya umat Islam akan lebih memahami serta menghayati nilai-nilai perpaduan, keamanan dan keharmonian yang menjadi asas penting agama Islam sebagai agama rahmatan lil 'alamin atau agama yang membawa rahmat ke seluruh alam. Malah, aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang telah sehati dengan masyarakat Islam di Malaysia merupakan faktor utama yang mendidik umat Islam supaya mengamalkan nilai-nilai kesederhanaan serta mengelakkan tindakan yang melampau dalam hubungan antara kaum dan agama. Secara tidak langsung, ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang dipegang oleh umat Islam di Malaysia merupakan asas penting keamanan, kestabilan dan keharmonian di negara kita. Oleh yang demikian, sudah pastilah ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah perlu terus diperkukuh dan diperkasakan di Malaysia.

6. Di samping kita memberi pencerahan dan memperkasa ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah, kita juga perlu memberi kefahaman kepada masyarakat tentang

ancaman terhadap akidah Islam yang dibawa oleh fahaman dan falsafah pasca modernisme terutamanya aliran Liberalisme dan Pluralisme Agama yang falsafah mereka ialah meruntuhkan semua institusi terutamanya institusi agama. Di Malaysia fahaman dan falsafah ini sudah mula menular apabila terdapat segelintir pihak yang mempersoalkan autoriti institusi agama terutamanya institusi fatwa dan mahkamah. Hukum-hukum yang telah diputuskan secara qat'i di dalam Islam seperti pengharaman meminum arak, berzina, murtad dan perkahwinan sejenis dipersoalkan atas alasan ianya bertentangan dengan kebebasan dan hak asasi manusia. Malah, ada pihak yang secara terang-terangan mendesak supaya sistem perundangan Islam yang telah sekian lama dilaksanakan di Malaysia dihapuskan kerana dikatakan mencabuli prinsip hak asasi manusia sejagat.

7. Fahaman liberalisme dan pluralisme agama yang secara jelas terpesong daripada landasan aqidah umat Islam yang sebenar perlu dibendung dengan segera. Caranya ialah dengan memberikan pencerahan kepada umat Islam tentang prinsip-prinsip asas aqidah Islam serta nilai yang dibawa oleh syari'at Islam. Yang penting, setiap hukum yang ditetapkan oleh agama Islam mempunyai hikmahnya yang tersendiri, dan hikmah ini perlu difahami serta dihayati oleh umat Islam. Apabila umat Islam memahami hikmah di sebalik hukum-hukum Islam mereka tidak akan lagi mempersoalkan syariat Islam dengan menggunakan neraca pemikiran yang asing daripada tasawwur Islam yang sebenar. InsyaAllah, mereka akan mematuhi segala syari'at Islam dan menjadi manusia yang beriman dan bertakwa kepada Allah. Apatah lagi, pematuhan kepada syari'at Islam merupakan lambang pengabdian kita kepada Allah S.W.T yang merupakan sebab kewujudan kita sebagai insan. Sepertimana firman Allah S.W.T di dalam Surah Al-Zariyat, Ayat 56:

لِيَعْبُدُونَ إِلَّا وَالْإِنْسَانَ الَّذِي خَلَقْتُمْ وَمَا

Yang bermaksud:

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

8. Untuk itu, umat Islam perlu dilengkapi dengan kekuatan ilmu bagi memahami prinsip serta nilai ajaran Islam yang sebenar. Dengan kekuatan ini kita akan dapat mematahkan serangan pemikiran dan budaya yang sedang melanda umat pada masa kini. Saya berharap agar para ulama', ilmuwan Islam dan penggerak dakwah di seluruh negara dapat mempergiatkan usaha

memberi pencerahan kepada masyarakat kita mengenai ajaran Islam khususnya yang dibawa oleh Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Pada masa yang sama, umat Islam di negara kita perlu diberikan pendedahan secara berterusan mengenai fakta-fakta pemesanan yang dibawa oleh fahaman Liberalisme dan Pluralisme Agama serta bahayanya kepada 'aqidah umat Islam.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

9. Negara kita pernah menjadi wilayah 'ilmu Islam aliran Imam Abu Hasan Asy'ari dalam bidang ilmu Kalam dan 'Aqidah; aliran Imam al-Syafi'i dalam bidang ilmu Fiqah dan aliran Imam al-Ghazzali dalam bidang Tasawwuf serta pemikiran dan falsafah. Kesemua ulama' besar ini berpegang kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Sehubungan itu, saya berharap agar para 'ulama dan ilmuwan Islam di negara kita berusaha mengembalikan semula kedudukan Malaysia sebagai pusat pengembangan 'ilmu Ahli Sunnah wa al-Jama'ah di rantau ini.

10. Pihak kerajaan sentiasa komited untuk memastikan usaha dakwah dan tarbiyyah di Malaysia dapat diperluas dan diperkukuhkan lagi dalam memberi kesedaran serta pencerahan kepada umat Islam mengenai ajaran Islam yang sebenar. Untuk itu, pihak kerajaan sentiasa bersedia untuk bekerjasama dan menyalurkan bantuan kepada para ulama', institusi dakwah dan NGO Islam di Malaysia dalam memperluaskan usaha dakwah dan tarbiyyah di negara kita. Adalah diharapkan agar institusi dakwah dan NGO Islam dapat memainkan peranan penting sebagai rakan Negara dalam usaha kita untuk memelihara dan memperteguh aqidah umat Islam. Saya percaya bahawa usaha dakwah dan tarbiyyah yang berterusan dapat membina sebuah masyarakat yang beriman, berakhlak dan bertakwa yang merupakan ciri penting sebuah masyarakat dan negara yang diredhai oleh Allah S.W.T. – Baldatun Toyyibatun Wa Rabbun Ghafur.

11. Akhirnya, saya sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada MUAFAKAT yang telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan seminar ini. Mudah-mudahan usaha murni MUAFAKAT ini dapat membantu meningkatkan kefahaman umat Islam di negara kita mengenai prinsip serta ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar Pencerahan Tasawwur Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Wabillahi al-taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.